

# PM jamin tak lindung sesiapa terbabit salah laku, rasuah

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan tidak akan melindungi mana-mana individu yang disyaki terbabit dalam salah laku dan rasuah, termasuk bekas Setiausaha Politikannya, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Datuk Fahmi Fadzil, berkata perkara itu ditegaskan Perdana Menteri ketika mempengerusikan mesyuarat Kabinet, semalam.

“Menegenai bekas setiausaha politik beliau yang meletak jawatan, Perdana Menteri menegaskan bahawa beliau tidak akan melindungi mana-mana pihak, sesiapa pun sekiranya ada apa-apa aspek yang perlu disiasat oleh pihak berkuasa terma-

suk pihak SPRM.

“Jadi, Perdana Menteri sekali lagi mengulangi kenyataan yang beliau buat sebelum ini kepada Jemaah Menteri (ketika mesyuarat berlangsung),” katanya pada sidang media pasca mesyuarat Kabinet di sini, semalam.

Semalam, Shamsul Iskandar hadir di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di sini untuk direkodkan keterangannya berhubung siasatan berhubung tuduhan rasuah.

Beliau seorang daripada tiga individu yang dipanggil oleh SPRM untuk membantu siasatan berhubung klip video yang memaparkan perbualan antara seorang wanita, dikenali sebagai Sofia Rini Buyong dan ahli

perniagaan Albert Tei.

Difahamkan, bekas Ahli Parlimen Hang Tuah Jaya itu pada awalnya dijadual memberi keterangan kelmarin, namun beliau berada di Sabah dan tidak dapat pulang seperti waktu dijadualkan.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, Perdana Menteri turut memberi peringatan kepada semua Jemaah Menteri untuk sentiasa memantau, terutama pegawai mereka.

Ditanya mengenai status Shamsul Iskandar dalam parti susulan dakwaan itu, Fahmi yang juga Ketua Penerangan PKR berkata, belum ada sebarang perbincangan pada peringkat parti berhubung perkara terbabit.

Sementara itu, Fahmi berkata, Kabinet tidak membincangkan mengenai isu ahli perniagaan, Albert yang didakwa ditahan secara tidak berperlembagaan.

Beliau sebaliknya berkata, perkara itu seharusnya dirujuk kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

SPRM semalam menyerbu kediaman Albert, menurut peguamnya, Zaid Malek.

Zaid dalam satu kenyataan mendakwa, beliau tidak dibenarkan bertemu dengan Albert oleh pegawai SPRM dan polis yang berada di kediaman ahli perniagaan itu.

Zaid dilaporkan berkata, hak anak guamnya untuk mendapat-

kan khidmat peguam dinafikan dan ia adalah pelanggaran hak Perlembagaan Albert terhadap proses undang-undang yang adil.

Beliau turut berkongsi sebuah video yang memaparkan Albert diiringi oleh individu bersenjata yang memakai penutup muka (balaclava) dan ves SPRM.

Albert adalah antara tiga individu yang dipanggil SPRM untuk membantu siasatan berhubung klip video yang memaparkan perbualannya dengan seorang wanita dikenali Sofia Rini Buyong.

Sofia Rini turut menjalani rakaman kenyataannya oleh SPRM. Dia tiba di ibu pejabat SPRM di Putrajaya, petang kelmarin.